

Simpanan demi memperkaya masa depan keluarga amat tinggi nilainya.

PRUCash Enrich

Ayuh kita bertindak dengan manfaat simpanan jangka panjang yang dijamin untuk masa depan kewangan keluarga anda

Pelan Simpanan Insurans



PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.



Simpanan demi memperkaya masa depan keluarga amat tinggi nilainya

Setiap orang mempunyai perancangan hidup dan matlamat kewangan tersendiri. Anda mungkin baru saja memulakan keluarga, membina dana pendidikan untuk anak-anak atau merancang untuk tahun-tahun keemasan persaraan anda.

Walau apa pun matlamat dan aspirasi anda, memperkaya masa depan anda dengan simpanan yang boleh dilanjutkan melebihi hayat anda akan membantu anda memastikan masa depan keluarga yang stabil.

Keistimewaan pelan ini

Memperkenalkan PRUCash Enrich, pelan simpanan insurans yang menawarkan pelbagai manfaat demi membantu anda menyara keluarga anda, walaupun anda tidak lagi berada di sisi mereka.



Pembayaran tunai tahunan yang dijamin sepanjang tempoh polisi



Mewariskan kekayaan anda jika anda tidak lagi berada di sisi orang tersayang



Premium masa depan tidak diperlukan apabila kejadian tidak diingini berlaku jika rider pengecualian dilampirkan



Pembayaran sekaligus manfaat kematangan dengan potensi peningkatan



Manfaat Ihsan atas kematian



Pelbagai pilihan tempoh pembayaran premium dan tempoh polisi untuk memenuhi keperluan kewangan anda



Penerimaan terjamin atas pelan asas



Umur penyertaan dari 14 hari – 70 tahun¹

¹Tertakluk kepada umur luput 100 tahun.

Pembayaran tunai tahunan yang dijamin sepanjang tempoh polisi

Dapatkan ganjaran pembayaran tunai tahunan yang dijamin sebagai Manfaat Kemandirian anda dari akhir Tahun Polisi pertama sehingga kematangan untuk meningkatkan simpanan anda selagi polisi anda masih berkuatkuasa. Manfaat Kemandirian akan dibayar seperti berikut:

Tempoh Polisi 20		
Akhir Tahun Polisi	Manfaat Kemandirian (% daripada Manfaat Kematangan Dijamin)	
	Tempoh Pembayaran Premium 5 Tahun	Tempoh Pembayaran Premium 10 Tahun
1 – 10	3%	3%
11 – 19	6%	6%
20	125%	180%
Jumlah Manfaat Kemandirian yang dibayar sepanjang tempoh polisi	209%	264%

Tempoh Polisi 30			
Akhir Tahun Polisi	Manfaat Kemandirian (% daripada Manfaat Kematangan Dijamin)		
	Tempoh Pembayaran Premium 5 Tahun	Tempoh Pembayaran Premium 10 Tahun	Tempoh Pembayaran Premium 20 Tahun
1 – 10	4%	4%	4%
11 – 20	8%	8%	8%
21 – 29	12%	12%	12%
30	40%	95%	100%
Jumlah Manfaat Kemandirian yang dibayar sepanjang tempoh polisi	268%	323%	328%

Tempoh Polisi 40			
Akhir Tahun Polisi	Manfaat Kemandirian (% daripada Manfaat Kematangan Dijamin)		
	Tempoh Pembayaran Premium 5 Tahun	Tempoh Pembayaran Premium 10 Tahun	Tempoh Pembayaran Premium 20 Tahun
1 – 10	4%	4%	4%
11 – 20	8%	8%	8%
21 – 39	12%	12%	12%
40	12%	30%	60%
Jumlah Manfaat Kemandirian yang dibayar sepanjang tempoh polisi	360%	378%	408%

Anda boleh memilih untuk menerima pembayaran tersebut atau mengumpulkannya dengan Prudential sebagai sebahagian simpanan anda yang lain. Jika anda pilih untuk mengumpul, pembayaran tunai terkumpul termasuk faedah (jika ada) akan dibayar apabila penamatan, penyerahan atau kematangan polisi, mana-mana yang lebih awal.

Mewariskan kekayaan anda jika anda tidak lagi berada di sisi orang tersayang*

Melindungi dan memelihara legasi kekayaan anda dan memastikan legasi anda diteruskan untuk keluarga dan orang tersayang.

Mengubah Hayat Yang Diinsuranskan polisi berulang kali tanpa had

Pelan ini membenarkan anda untuk melantik satu Hayat Yang Diinsuranskan Ganti dalam seumur hidup Hayat Yang Diinsuranskan sedia ada selagi polisi masih berkuatkuasa. Hayat Yang Diinsuranskan baharu akan berkuatkuasa selepas Hayat Yang Diinsuranskan sedia ada meninggal dunia.

Pilihan penerusan fleksibel – Pemegang Polisi Ganti

Demi melindungi legasi anda dan memastikan kekayaan anda diwariskan kepada orang tersayang, anda boleh melantik seseorang sebagai Pemegang Polisi baharu apabila anda tidak lagi berada di sisi mereka.

Selagi polisi masih berkuatkuasa, Manfaat Kemandirian dijamin dan Manfaat Kematangan akan terus dibayar selepas Hayat Yang Diinsuranskan baharu berkuatkuasa.

*Sekiranya Hayat Yang Diinsuranskan meninggal dunia dan Hayat Yang Diinsuranskan Ganti telah dilantik.

Premium masa depan tidak diperlukan apabila kejadian tidak diingini berlaku jika rider pengecualian dilampirkan

Apabila anda memilih untuk melampirkan rider pengecualian berikut, ia memberikan jaringan keselamatan kewangan kepada anda dan orang tersayang.

Life Assured Waiver Plus

Assured Waiver Plus

Premium masa depan akan dikecualikan apabila nyawa yang diinsuranskan meninggal dunia, mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹ atau didiagnosis mana-mana 42 Penyakit Kritikal yang dilindungi.

Pembayaran sekaligus manfaat kematangan dengan potensi peningkatan

Anda akan menerima Manfaat Kematangan merangkumi:

- Manfaat Kematangan Dijamin (GMB); serta
- Bonus tidak dijamin² dibayar atas kematangan polisi

demi menjamin masa depan kewangan anda dan orang tersayang anda.

Manfaat Ihsan atas kematian

Manfaat Ihsan akan dibayar seperti berikut:

RM5,000
akan dibayar atas kematian

ATAU

RM10,000
akan dibayar sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan¹

Manfaat Ihsan akan dibayar hanya SEKALI sepanjang tempoh polisi.

Pelbagai pilihan tempoh pembayaran premium dan tempoh polisi untuk memenuhi keperluan kewangan anda

Nikmati fleksibiliti untuk memilih daripada pelbagai kombinasi yang sesuai dengan anggaran dan keperluan anda.

Tempoh Polisi (Tahun)	Tempoh Pembayaran Premium (Tahun)		
	5	10	20
20	✓	✓	-
30	✓	✓	✓
40	✓	✓	✓

Penerimaan terjamin atas pelan asas

Penerimaan terjamin bagi penyertaan anda untuk pelan ini tanpa memerlukan pengunderaitan melainkan rider pengecualian dilampirkan.

Umur penyertaan dari 14 hari – 70 tahun³

Melindungi juvenil dan dewasa dengan umur penyertaan seawal 14 hari hingga 70 tahun³.



14 hari



70 tahun

¹Sebelum Ulang Tahun Polisi umur 70 tahun.

²Bonus merangkumi Bonus Terminal dan akan dibayar secara sekaligus apabila kematangan polisi atau penyerahan. Bonus ini adalah tidak dijamin dan akan bergantung kepada keputusan operasi dan pelaburan dana penyertaan hayat Prudential.

³Tertakluk kepada umur luput 100 tahun.

Bagaimana PRUCash Enrich berfungsi?



Sam, 35 tahun, merancang untuk bersara pada umur 65 tahun

- Sam membuat keputusan untuk membeli PRUCash Enrich kerana pelan ini membenarkannya untuk menentukan Manfaat Kematangan Dijamin (GMB) yang akan diterimanya 30 tahun kemudian. Selain itu, dia berpotensi untuk menerima **bonus¹ tambahan** apabila kematangan polisi.
- Dia mempunyai pelbagai pilihan tempoh pembayaran premium. Selepas pertimbangan yang teliti, dia memilih tempoh pembayaran premium selama **20 tahun** supaya dia boleh fokus kepada komitmen kewangan yang lain.



1 Sam membeli PRUCash Enrich 20 Bayar 30 tahun dengan GMB sebanyak **RM100,000**.

Demi jaminan kewangan, dia juga memilih untuk membeli **Life Assured Waiver Plus**, di mana premium masa depan akan dikesualikan sekiranya Sam meninggal dunia, mengalami TPD² atau disahkan menghidapi mana-mana 42 Penyakit Kritikal yang dilindungi.



3 Dia membayar premium **RM1,805.29** sebulan dan melantik isterinya sebagai **Pemegang Polisi Ganti** dan **Hayat Yang Diinsuranskan Ganti secara serentak**.



4 Sepanjang tempoh polisi, PRUCash Enrich memberikan Sam pembayaran tunai tahunan yang dijamin setiap tahun. Pembayaran tunai tahunan yang dijamin adalah dinyatakan dalam jadual di bawah:

Akhir Tahun Polisi	1 – 10	11 – 20	21 – 29	30	Jumlah Manfaat Kemandirian yang dibayar sepanjang tempoh polisi
Manfaat Kemandirian (% daripada Manfaat Kematangan Dijamin)	4%	8%	12%	100%	328%

Sam boleh memilih untuk menerima pembayaran tunai tahunan yang dijamin atau mengumpulkannya dengan Prudential sebagai sebahagian simpanan yang lain.

Jika Sam hidup sehingga kematangan polisi

Sam akan menerima pembayaran tunai tahunan yang dijamin sepanjang tempoh polisi selagi dia terus membayar premium sehingga akhir tempoh pembayaran premium.

Apabila kematangan polisi ini, dia mungkin menerima sejumlah **RM396,967³**, merangkumi RM100,000 (iaitu pembayaran tunai dijamin tahun terakhir), dan Manfaat Kematangan sebanyak RM296,967 (GMB sebanyak RM100,000 tambah bonus tidak dijamin sebanyak RM196,967³ dibayar atas kematangan polisi).

Sekiranya Sam meninggal dunia sebelum kematangan polisi

Malangnya, Sam meninggal dunia pada tahun polisi 5. RM5,000 manfaat ihsan akan dibayar kepada keluarganya. Isterinya, sebagai Pemegang Polisi Ganti dan Hayat Yang Diinsuranskan Ganti, akan menjadi Pemegang Polisi dan Hayat Yang Diinsuranskan polisi sekarang dan akan menerima pembayaran tunai tahunan yang dijamin seterusnya tanpa perlu membayar premium.

Apabila kematangan polisi ini, isterinya boleh menerima sejumlah **RM396,967³**, merangkumi RM100,000 (iaitu pembayaran tunai dijamin tahun terakhir), dan Manfaat Kematangan sebanyak RM296,967 (GMB sebanyak RM100,000 tambah bonus tidak dijamin sebanyak RM196,967³ dibayar atas kematangan polisi). Walaupun Sam telah meninggal dunia, masa depan kewangan keluarganya adalah terjamin.

Contoh di atas adalah bagi tujuan penjelasan sahaja dan dikira berdasarkan umur 35 tahun, Lelaki Bukan Perokok, 20 Bayar 30 tahun, dengan GMB sebanyak RM100,000 dan dengan Life Assured Waiver Plus.

¹Bonus merangkumi Bonus Terminal dan akan dibayar secara sekaligus apabila kematangan polisi atau penyerahan. Bonus ini adalah tidak dijamin dan akan bergantung kepada keputusan operasi dan pelaburan dana penyertaan hayat Prudential.

²Sebelum Ulang Tahun Polisi umur 70 tahun.

³Manfaat Kematangan yang diunjurkan adalah berdasarkan senario tinggi dengan mengandaikan dana hayat penyertaan memperoleh 5% (sebelum ditolak cukai dan perbelanjaan) setiap tahun. Di bawah senario rendah dengan mengandaikan dana hayat penyertaan memperoleh 2% (sebelum ditolak cukai dan perbelanjaan) setiap tahun, dia mungkin menerima jumlah RM200,000 semasa kematangan, merangkumi RM100,000 (iaitu bayaran tunai dijamin tahun terakhir), dan Manfaat Kematangan sebanyak RM100,000, terdiri daripada manfaat dijamin sahaja.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web di www.prudential.com.my atau hubungi salah satu Perancang Kewangan Prudential yang mesra. Kami sentiasa sedia membantu.

Nota Penting dan Penafian:

- **PRUCash Enrich** adalah pelan insurans endowmen penyertaan jangkaan dengan bayaran terhad diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U) yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Kadar premium bagi pelan asas adalah dijamin. Walau bagaimanapun, kadar premium bagi rider opsyenal adalah tidak dijamin. Prudential berhak menyemak kadar premium bagi rider opsyenal pada ulang tahun polisi dengan memberi notis terdahulu 90 hari.
- Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Produk ini direka bentuk dengan mempertimbangkan Hayat Yang Diinsuranskan Ganti. Dengan ini, produk ini mungkin tidak sesuai untuk anda sekiranya anda tidak dapat melantik Hayat Yang Diinsuranskan Ganti. Sila hubungi Perancang Kewangan Prudential anda jika anda ingin memahami dengan lebih lanjut.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Jualan **PRUCash Enrich** dan risalah *insuranceinfo* mengenai Insurans Hayat sebelum membeli sesuatu polisi. Sila ambil perhatian bahawa terdapat pengecualian-pengecualian yang berkenaan kepada setiap manfaat. Sila merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Jualan dan Dokumen Polisi untuk senarai penuh manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian, tempoh menunggu serta terma dan syarat di bawah polisi ini.
- Bonus Terminal adalah bonus tidak dijamin di mana ia dibayar apabila polisi anda tamat – pada tarikh kematangan atau jika anda memilih untuk menyerahkan polisi anda. Bonus Terminal adalah tidak dijamin dan akan bergantung kepada keputusan operasi dan pelaburan dana penyertaan hayat Prudential.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda premium dan cukai (jika ada) yang telah anda bayar.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Jika anda tidak dapat membayar premium anda dalam tempoh tangguh selama satu bulan, maka amaun nilai tunai yang ada akan digunakan untuk mendahulukan premium di bawah Skim Pinjaman Premium Automatik pada kadar faedah semasa, seperti yang ditentukan oleh PAMB. Jika nilai tunai tersebut tidak dapat menampung premium yang tertunggak atau hutang lain dengan PAMB, maka polisi anda akan luput.
- Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
- **PRUCash Enrich** bukan produk mematuhi Syariah.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan digunakan.

Prudential Assurance Malaysia Berhad

Ahli PIDM

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli insurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada PAMB atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

06/2021